



SETIAP individu perlu melihat semula kedudukan kewangan masing-masing dan melakukan perubahan yang positif bermula dari sekarang.

**GENERASI MILENIUM DISARAN RANCANG KEWANGAN BAGI PERSEDIAAN PERSARAAN**

# 'SIMPAN RM100 PUN MEMADAI'

Oleh Latifah Arifin  
am@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Generasi hari ini terutama generasi milenium disarankan melakukan penstrukturan semula kewangan secara terancang bagi persediaan persaraan kelak dengan mengambil kira pelbagai faktor, bukan sekadar melihat jumlah pendapatan kasar bulanan.

Mereka perlu menyelaras semula perbelanjaan tidak perlu khususnya berkaitan gaya hidup.

Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Mohamad Fazli Sabri, berkata antara isu membelenggu generasi Y atau mereka yang dilahirkan pada era 1980-an, 1990-an atau awal 2000 adalah kesukaran untuk meninggalkan tabiat berbelanja yang tidak berhema.

"Jika ikutkan saranan pakar kewangan, kita perlu simpan 10 peratus daripada pendapatan ka-

sar. Jadi jika gaji RM3,000 sebulan, simpanlah sekurang-kurangnya RM300 sebulan. Tetapi dengan kos dan sara hidup yang tinggi ketika ini, mungkin ada yang tak mampu untuk simpan lebih, jadi mengapa tidak (menabung) mengikut kemampuan masing-masing.

"Jika misalnya mampu simpan RM100 sebulan, itu pun dah memadai, yang penting perlulah konsisten bukannya bila hujung bulan (wang yang disimpan itu) terpaksa dikeluarkan semula.

"Pemerhatian saya juga mendapati, ada antara kita yang mengaku tak ada duit, tetapi apabila ditanya rupanya banyak perbelanjaan mereka disalurkan untuk perkara bukan keperluan. Misalnya menggunakan perkhidmatan internet atau penstriman langganan filem yang perlu dibayar secara bulanan. Namun kerana kesibukan, ia tak ditonton pun.

"Ini antara perkara yang kerap berlaku, apabila kita salah meletakkan keutamaan dan akhirnya duit yang ada habis begitu

sahaja," katanya.

Media semalam melaporkan kaji selidik Indeks Daya Tahan Kewangan Asia-Malaysia yang diterbitkan oleh Sun Life menunjukkan hanya 18 peratus rakyat Malaysia mempunyai pelan simpanan persaraan untuk menyokong matlamat kewangan mereka.

Laporan sama turut mendedahkan, rakyat Malaysia menyenaraikan persaraan dan simpanan sebagai keutamaan kewangan kedua tertinggi, namun hanya 38 peratus yang mempunyai pelan kewangan melangkaui satu tahun ke hadapan.

Mohamad Fazli turut berkata, tidak dinafikan, generasi milenial iaitu dalam lingkungan 28 hingga 43 tahun berdepan cabaran kewangan paling tinggi mengambil kira dalam fasa usia terbabit, kebanyakannya sudah berkeluarga, memiliki anak yang sedang membesar dan sedang berseko-

lah, selain terikat dengan pelbagai beban hutang.

"Kalau kita tengok dari segi umur, tentunya generasi milenial ini berada di kemuncak komitmen kewangan, malah tak dinafikan kerana kurang literasi kewangan, ada yang diisytiharkan muflis. Ditambah pula dengan kos sara hidup

yang semakin tinggi, ada antara mereka yang akan mengutamakan perkara lain demi survival seperti melunaskan pinjaman perumahan, urus sekolah anak, berbanding menyimpan duit untuk persaraan.

"Tapi konsep ini sebenarnya salah. Mereka perlu hidup secara seimbang, maknanya masih tak boleh abaikan keperluan untuk menabung. Bila bercakap mengenai menabung untuk pelan persaraan, ada yang salah anggap perlu simpan dalam jumlah yang besar, mesti ada dalam akaun

bank sekurang-kurangnya RM30,000. Ini silap, yang penting kena mulakan sejak dari muda. Bagi penjawat awam yang di bawah skim pencen, mungkin tak mengapa, tapi yang bekerja sendiri atau swasta, sudahlah wang simpanan KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) pun dikeluarkan, takkan nak tunggu tua baru mula menyimpan," katanya.

Sehubungan itu, nasihatnya, setiap individu perlu melihat semula kedudukan kewangan masing-masing dan melakukan perubahan yang positif bermula dari sekarang.

"Kena tahu aliran kewangan kita, di mana atau untuk tujuan apa wang gaji kita disalurkan setiap bulan. Jika ada perbelanjaan tak perlu, misalnya makan di luar terlalu kerap, bolehlah secara beransur-ansur kurangkan cara hidup sedemikian.

"Malah, jika ada hobi yang tak beri manfaat, cuba untuk kurangkan atau gantikan dengan aktiviti lain yang lebih jimat," katanya.

**"Jika ada hobi yang tak beri manfaat, cuba untuk kurangkan"**  
Mohamad Fazli